



# Kelab Kebajikan PNC bantu wanita sindrom down

Atas dasar prihatin atas kesusahan yang ditanggung oleh seorang suri rumah sindrom down, Norhayati Mohd. Ariffin, 35, Kelab Kebajikan Pejabat Naib Canselor (PNC), Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang diketuai oleh Anuar Abdul Aziz baru-baru ini telah menghulurkan bantuan Aidilfitri kepada keluarga beliau.

Bantuan yang disumbangkan berupa wang tunai dan juga barang-barang keperluan harian bagi meringankan beban beliau sekeluarga menjelang Aidilfitri ini.

Ibarat 'kais pagi makan pagi, kasi petang makan petang', Norhayati bukan sahaja melalui kepayahan hidup kerana kemiskinan malah terpaksa berhempas pulas menyara kehidupan dengan membesarkan tujuh anak yang masih bersekolah selepas ditinggalkan suaminya.

Norhayati yang tinggal di rumah setinggan Kampung Jawa Kuantan menyara seluruh keluarganya hasil bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Pahang sebanyak RM450 sebulan.

Walaupun jumlah itu tidak seberapa namun wang itulah yang digunakannya bagi memastikan anak-anaknya iaitu Norafniza Mas, 15, Norasmadiana, 14, Mohd. Zulkarnain, 12, Mohd Zulalif, 10, Siti Hawa, 9, Norasyikin, 7 dan Adam Alif, 6, terus bersekolah.

Tambah Norhayati, beliau sekeluarga terpaksa bergantung harap kepada abangnya, Mee Mohd Arifin, 43, yang bekerja sebagai tukang cat bagi menyara mereka sekeluarga.

"Nasib baik ada rumah setinggan peninggalan arwah mak ini untuk kami berteduh walaupun ianya serba kekurangan.

"Kini telah hampir 17 tahun kami menetap di pondok usang ini," katanya.

Tinjauan mendapati, rumah tersebut tiada langsung bekalan air kerana tapaknya merupakan rizab jalan dan Norhayati terpaksa membayar RM20 sebulan kepada jirannya bagi mendapatkan bekalan air.

Turut menyumbangkan bantuan ialah Kelab Media Pahang yang diwakili oleh Presidennnya, Nik Naizi Hussin dan Bukit Gambang Resort City (BGRC) oleh Pengarah Perhubungan Awamnya, Nasiruddin Nasrun.